

**Parlimen: Syarikat Telekomunikasi Tidak Bocorkan Maklumat Pengguna - Joseph Salang Bernama  
19 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Tiada bukti menunjukkan syarikat telekomunikasi membocorkan nombor telefon bimbit pengguna kepada pihak penyedia kandungan, persidangan Dewan Rakyat diberitahu pada Isnin.

Bagaimanapun kerajaan tidak menolak kemungkinan ada wakil pengedar atau orang dalaman syarikat telekomunikasi yang membocorkan maklumat pengguna kepada penyedia kandungan, kata Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Joseph Salang.

"Memang ramai yang sangkakan nombor-nombor yang dihantar SMS perniagaan seperti ini diperoleh daripada syarikat telekomunikasi. Tapi siasatan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) membuktikan ia tidak berlaku.

"Ada kemungkinan dealer telco atau orang dalam yang mengeluarkan nombor telefon atau maklumat yang dikehendaki oleh content provider (penyedia kandungan). Saya percaya kebanyakannya dilakukan secara rambang dengan menyasarkan mangsa yang mudah didapati," katanya menjawab soalan Datuk Ismail Abd Muttalib (BN-Marang) pada sesi soal-jawab.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=653154>